



NEWSLETTER

Disediakan oleh:

YUSRINA MOHD YUSOFF

Ketua Penolong Pengarah, BPAN

PERANGKAAAN STOK MODAL 2018

Stok Modal Kasar (SMK) mencatatkan nilai

RM4.8 trilion dengan pertumbuhan

4.4 peratus *pada harga malar 2015

Jenis Aktiviti Ekonomi

Pertumbuhan ini disokong oleh sektor
Perkhidmatan, Perlombongan &
pengkuarian dan Pembuatan

Perkhidmatan
RM3,304.2 bilion
YoY: 4.3%

Sumbangan
68.1%



Perlombongan &
pengkuarian
RM735.6 bilion
YoY: 3.6%

Sumbangan
15.2%



Pembuatan
RM634.0 bilion
YoY: 5.3%

Sumbangan
13.1%



Jenis Aset

Penyumbang utama

Struktur yang terdiri
daripada kediaman,
bukan kediaman dan
struktur lain



Sumbangan
73.6%

YoY: 4.6%

Jentera dan
peralatan



Sumbangan
17.4%

YoY: 3.8%

①



Stok Modal Bersih (SMB) berkembang pada kadar sederhana, **4.2%** pada 2018 berbanding **4.5%** pada 2017 *pada harga malar 2015

Jenis Aktiviti Ekonomi

Pertumbuhan ini disokong oleh sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Perlombongan & pengkuarian



Penyumbang utama **28.9%**
Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan

Perkhidmatan
RM2,043.8 bilion
YoY: 4.4%

Sumbangan
66.9%

Perlombongan & pengkuarian
RM551.5 bilion
YoY: 2.0%

Sumbangan
18.0%

Pembuatan
RM365.1 bilion
YoY: 6.2%

Sumbangan
12.0%

Penyumbang utama **35.1%**
Produk petroleum, kimia, getah dan plastik



Jenis Aset

Penyumbang utama

Struktur yang terdiri daripada kediaman, bukan kediaman dan struktur lain

 Sumbangan
78.8%


YoY: 4.5%

Jentera dan peralatan


 Sumbangan
12.6%

YoY: 3.2%


2



Stok Modal Kasar, 1960-2018




Peratus Perubahan Stok Modal Kasar, 1960-2018




Stok Modal Kasar (SMK) menunjukkan pelaburan terkumpul dari segi aset tetap mencatatkan nilai RM4.8 trilion dengan pertumbuhan 4.4 peratus. Pertumbuhan ini disokong oleh sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Perlombongan & pengkuarian.

Stok Modal Bersih, 1960-2018



Peratus Perubahan Stok Modal Bersih, 1960-2018



Stok Modal Bersih (SMB) terus berkembang pada kadar yang sederhana iaitu 4.2 peratus pada 2018 dengan nilai RM3.1 trilion. Pertumbuhan disumbang oleh sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Perlombongan & pengkuarian.

Impak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

- Bagi menampung persediaan menangani penularan Covid-19, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan 3,994 katil untuk digunakan pada bila-bila masa.
- Sejak 18 Mac lalu, KKM sudah mengenal pasti 57 hospital saringan dan 26 hospital yang menyediakan rawatan Covid-19.
- Jumlah Hospital merawat Covid-19 telah bertambah daripada 26 kepada 38 buah melalui kerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia dan pihak hospital universiti.



- Kerajaan juga telah mengambil langkah mewujudkan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS). Pusat itu mampu menempatkan sehingga 600 orang pesakit Covid-19 pada satu-satu masa.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dan KKM ini akan memberi kesan dalam penyusunan Perangkaan Stok Modal bagi sektor Perkhidmatan Kerajaan iaitu terhadap perbelanjaan kerajaan dalam pembelian aset baru bagi perabot & pemasangan dan jentera & peralatan.



- Perbelanjaan modal dalam sektor Pengangkutan juga akan berlaku penyusutan kesan daripada Covid-19.
- Kumpulan Penerbangan Malaysia (MAG) memaksa syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines membatalkan lebih 2,000 penerbangan sehingga April kerana sekatan perjalanan oleh negara destinasi. Kakitangan diberi pilihan secara sukarela untuk mengambil cuti bagi menangani masalah kewangan. Demikian juga bagi syarikat penerbangan lain seperti Malindo Air yang juga terpaksa mengurangkan banyak laluan penerbangan berjadual berikutan cabaran operasi yang disebabkan oleh Covid-19.



Sektor-sektor ekonomi lain seperti Pertanian, Pembuatan dan Pembinaan akan tiada pembelian aset baru untuk mengelakkan daripada risiko kerugian kesan daripada Covid-19 dan pelaksanaan PKP. Syarikat-syarikat dijangka akan lebih berhati-hati dan akan mengurangkan perbelanjaan operasi yang tidak penting untuk mengimbangi output yang dijangka perlahan pada tahun 2020 kesan PKP dan Covid-19



Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa syarikat di dalam sektor pembuatan makanan yang dilihat akan menggunakan sepenuhnya penggunaan jentera dan peralatan bagi menampung permintaan yang tinggi semasa PKP selain hanya dibenarkan beroperasi dengan hanya 50% tenaga kerja.



PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

5

